



كوڤراسي ڤورو ملايو كلنتن برحد

KOPERASI GURU MELAYU KELANTAN BERHAD

**CATATAN MINIT
MESYUARAT AGUNG KAWASAN
KUALA KRAI**

**TARIKH : 13 APRIL 2019
TEMPAT : SEK MEN KEB BANDAR KUALA KRAI
MASA : 10.00 PAGI**

**ATURCARA
MAJLIS MESYUARAT AGUNG KAWASAN**

- 09.00 Pagi : Pendaftaran
- 10.00 Pagi : Majlis dimulakan dengan bacaan ayat-ayat suci al – qur'an dan bacaan doa.
- : Ucapan Pengerusi Lembaga
- 10.30 Pagi : Mesyuarat dimulakan mengikut agenda.
1. Memilih seorang Pengerusi Mesyuarat.
 2. Memilih seorang Setiausaha Mesyuarat.
 3. Menerima dan mengesahkan Minit Mesyuarat Agung Kawasan Kali Ke-12.
 4. Menimbang Laporan Lembaga 2018.
 5. Memilih Anggota Perwakilan ke Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan kali ke- 24 tahun 2019.
 6. Menimbang draft akaun atau jika ada akaun teraudit Koperasi Berakhir 31 Disember 2018.
 7. Menimbang belanjawan tahunan bagi tahun 2020 semakan 2019 untuk dibentang dalam Mesyuarat Agung Perwakilan kali ke-24 Tahun 2019.
 8. Menimbang cadangan pindaan kepada Undang – Undang Kecil dan Aturan – Aturan Aktiviti Koperasi jika ada.
 9. Menimbang dan meluluskan usul daripada Lembaga dan Anggota Koperasi, jika ada, yang diterima tujuh (7) hari sebelum tarikh Mesyuarat Agung Kawasan.

**CATATAN MINIT MESYUARAT AGUNG KAWASAN
KAWASAN KUALA KRAI**

Tarikh : 13 April 2019
Tempat : Sek. Men. Keb. Bandar Kuala Krai, Kuala Krai
Masa : 10.00 Pagi

2. Kehadiran :

- 2.1 Timb. Pengerusi Lembaga : Tn. Hj. Che Husin b Che Soh
Setiausaha : Tn. Hj. Mohamad Razali b Hj. Bakar
Timbalan Bendahari : En. Asmadi b Omar
ALK : En. Mohamed Zahari b Mohamed Zain
: En. Muhammad Nor b Ishak

JAD : En. Megat Shariman b Mohd Hashim
En. Mohamed Zainy b Mohamed Zain
- 2.2 Anggota : 227 Orang

3. UCAPAN PERASMIAN

Oleh : **Tn. Hj. Mohamad b Jusoh**
Pengerusi Majlis Guru Besar Kuala Krai

Yang dimulikan saudara Pengacara Majlis,
Yang dihormati ALK, JAD dan warga pengurusan,
Tuan Pengetua SMK Bandar Kuala Krai selaku tuan rumah,
Serta semua anggota kawasan Kuala Krai.

Alhamdulillah atas kesempatan yang diizinkan oleh Allah yang tidak ternilai dapat berada dalam satu majlis yang dianggap sebagai majlis ilmu dan kita semua tahu bahawa kehadiran kita semua pada hari ini adalah tidak sia-sia. Saya sangat berbangga dan ingin merakamkan setinggi-tinggi tahniah kepada koperasi kerana semua anggota koperasi ini adalah terdiri daripada bangsa Melayu sepenuhnya. Oleh itu saya berharap semua anggota koperasi dapat memberikan komitmen sepenuhnya kepada koperasi agar dapat menyumbangkan keuntungan dan berkebakikan kepada semua anggota.

Tuan/puan sekalian,

Di samping menyertai koperasi ini, saya juga menyeru kepada semua anggota supaya menyertai koperasi-koperasi lain juga. Ini kerana setiap koperasi yang ada di Malaysia mempunyai manfaat dan faedah yang berbeza. Oleh itu semua anggota akan dapat menikmati semua faedah yang disediakan oleh setiap koperasi. Selain itu, semua anggota juga dapat menderma melalui potongan gaji setiap bulan.

Saya juga menyarankan agar semua anggota supaya membuat pinjaman dengan koperasi berbanding dengan institusi perbankan kerana pinjaman yang disediakan oleh koperasi tidak mempunyai caj tersembunyi. Selain itu aktiviti pinjaman ini juga merupakan salah satu penyumbang keuntungan terbesar kepada koperasi di samping dapat mencairkan aset koperasi iaitu hartanah.

Tuan/puan sekalian,

Tahniah diucapkan kepada semua barisan ALK kerana telah berjaya mengadakan Mesyuarat Agung Kawasan kali ke-13 ini dan saya berharap bermesyuaratlah dengan sebaik mungkin demi kebaikan bersama. Semua anggota juga boleh dapatkan manfaat daripada MAK ini dengan melontarkan soalan-soalan dan juga menyuarakan pendapat-pendapat yang bernas kepada semua barisan ALK yang berada di hadapan ini.

Saya juga ingin menyampaikan salam Assalamualaikum W.b.t daripada Tuan Pegawai Pendidikan Daerah Kuala Krai kerana tidak dapat hadir pada ini. Beliau mempunyai urusan di Gua Musang.

Dengan ucapan Bismillahirrahmanirrahim saya merasmikan MAK Kuala Krai Kali ke-13 Tahun 2019.

Sekian, terima kasih.

4. UCAPAN Pengerusi Lembaga

Oleh : **Tn. Hj. Che Husin b Che Soh**
Timbalan Pengerusi Lembaga
Koperasi Guru Melayu Kelantan Berhad

Yang dimulikan saudara Pengacara Majlis,
Yang Berusaha Tuan Pengerusi Majlis Guru Besar Kuala Krai,
Yang dihormati ALK, JAD dan warga pengurusan,
Tuan Pengetua SMK Bandar Kuala Krai selaku tuan rumah,
Serta semua anggota kawasan Kuala Krai.

Terlebih dahulu saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada Tn. Hj. Muhamad b Jusoh, Pengerusi Majlis Guru Besar Kuala Krai yang hadir untuk perasmian MAK Kuala Krai kali ke-13 pada hari ini bagi mewakili Tuan Pegawai Pendidikan Daerah Kuala Krai yang menghadiri mesyuarat di Gua Musang.

Selain daripada MAK Kuala Krai, pada pagi ini juga terdapat MAK serentak iaitu di Machang. Saya ingin menyampaikan ucapan salam daripada Pengerusi Lembaga kerana beliau hadir ke MAK Machang.

Tuan/puan sekalian,

Koperasi adalah milik kita bersama dan kita perlu tahu perjalanan dan aktiviti yang dilaksanakan oleh koperasi. Untuk makluman, semua anggota telah dibekalkan dengan Buku Laporan Tahunan Koperasi dan anggota boleh melihat semua laporan kewangan yang telah diberikan. Sehingga hari ini, jumlah keseluruhan aset koperasi ialah sebanyak RM89 juta. Manakala jumlah Modal Yuran Anggota pula ialah RM55.8 juta.

Kredit

Untuk pengetahuan semua anggota, jumlah peminjam sepanjang tahun 2018 ialah seramai 915 orang sahaja. Jumlah ini sangat rendah berbanding tahun-tahun sebelumnya. Oleh itu, pada tahun ini koperasi telah bersetuju untuk mengadakan promosi pinjaman dengan peratusan faedah sebanyak 3.0% sahaja. Saya berharap dengan promosi yang diadakan ini dapat menarik semua anggota untuk membuat pinjaman dengan koperasi.

Hartanah

Unit Pelaburan dan Hartanah menyediakan aktiviti menjual tanah dan juga rumah. Setiap anggota yang membeli tanah dan rumah milik koperasi akan diberikan harga isitimewa dengan potongan harga yang menarik.

Ar-Rahn

Untuk makluman tuan/puan semua, perniagaan Ar-Rahn telah mempunyai tiga cawangan iaitu di Kota Bharu (Jalan Kebun Sultan), di Melor (Bangunan Arked MARA, Melor) dan di Tumpat (Bangunan Arked MARA Chabang Empat) yang mana ketiga-tiga perniagaan tersebut turut menyumbangkan keuntungan yang tinggi kepada koperasi. Koperasi dalam cadangan membuka cawangan keempat Ar-Rahn di Machang.

Kedai Tayar

Kedai Tayar milik koperasi ini sebenarnya sudah sekian lama beroperasi, namun hanya orang luar atau bukan anggota yang hadir untuk mendapatkan perkhidmatan baiki dan servis kereta di kedai tayar tersebut. Untuk pengetahuan semua anggota yang hadir, kedai tayar ini diwujudkan untuk menjaga kebajikan semua anggota yang mana anggota boleh membuat penukaran tayar kereta dan membaiki kereta dengan bayaran secara ansuran iaitu melalui potongan gaji.

Hotel

Koperasi kini telah menambah satu lagi bidang perniagaan iaitu dalam bidang perhotelan. Koperasi telah mengambil alih bangunan yang disewa oleh Hanis Villa Hotel dan membuka hotel sendiri dengan nama Diamond Hotel. Kedudukan hotel ini sangat strategik kerana lokasinya di tengah-tengah Bandar Kota Bharu serta berdekatan dengan kemudahan-kemudahan awam seperti bank, hospital, terminal bas, kedai-kedai, pasaraya dan sebagainya.

Semua anggota juga disarankan untuk menginap dan mengadakan aktiviti seperti kursus dan seminar di hotel milik Koperasi ini. Anggota akan diberikan diskaun istimewa sekiranya menginap dan menyewa dewan di Diamond Hotel.

Bakti Guru Sendirian Berhad (BGSB)

BGSB merupakan anak syarikat Koop Guru yang menyediakan kemudahan belian barangan seperti motosikal, perabot, komputer, telefon bimbit dan sebagainya. Semua anggota boleh mendapatkan barangan tersebut di kedai-kedai panel yang telah dilantik. Selain itu, BGSB juga menyediakan pakej umrah. Saya berharap semua anggota dapat menyokong semua aktiviti yang disediakan oleh BGSB.

Tabung Kebajikan Anggota (TKA)

Berkaitan dengan Tabung Kebajikan Anggota (TKA) pula, antara tuntutan yang boleh dibuat ialah rawatan hospital, penyakit kritikal, kematian dan bencana alam. Sekiranya berlaku kematian dari kalangan anggota, waris si mati akan mendapat wang tunai pendahuluan sebanyak RM2,000.00 serta merta bagi mengurangkan beban waris arwah dalam proses pengurusan jenazah. Baki yang selebihnya akan dibayar kemudian setelah waris mengisi borang TKA.

Manakala bagi penyakit kronik pula, pihak Koperasi akan dibayar mengikut tahap sakit yang ditanggung. Wakil Jawatankuasa TKA akan membuat sesi lawatan ke rumah anggota yang menghidap penyakit kronik terlebih dahulu.

Tuan/puan sekalian,

Akhir sekali, saya mewakili Pengerusi Lembaga ingin mengucapkan terima kasih kepada semua anggota yang hadir pada hari ini berharap semua anggota dapat memahami segala maklumat yang telah saya sampaikan pada hari ini.

Selamat bersidang.

AGENDA

AGENDA 1 : Memilih seorang Pengerusi Mesyuarat

- 1.1 Pengacara Majlis menjelaskan Pengerusi Mesyuarat Agung Kawasan ini hendaklah dipilih oleh Majlis Mesyuarat daripada Anggota Koperasi yang hadir.
- 1.2 En. Mohd Suhaizani b Hassan (015510) mencadangkan En. Syihabuddin b Ismail (011700) sebagai Pengerusi Mesyuarat, disokong oleh En. Azman Shah b Mat (007140).

Keputusan : Mesyuarat bersetuju sebulat suara

AGENDA 2 : Memilih seorang Setiausaha Mesyuarat

- 2.1 Pengacara Majlis turut menjelaskan seorang Setiausaha Mesyuarat juga perlu dipilih oleh Majlis Mesyuarat daripada Anggota Koperasi yang hadir.
- 2.2 En. Syihabuddin b Ismail (015510) mencadangkan En. Mohd Suhaizani b Hassan (015510) sebagai Setiausaha Mesyuarat, disokong oleh En. Abdul Rahman b Abdul Razak (014448).

Keputusan : Mesyuarat bersetuju sebulat suara

AGENDA 3 : Menerima dan Mengesahkan Minit Mesyuarat Agung Kawasan Kali Ke -12/2017

- 3.1 Pengerusi Mesyuarat meminta Setiausaha Lembaga membentangkan Minit Mesyuarat Agung Kawasan Kuala Krai kali ke-12/2017.
- 3.2 Haji Mohamad Razali b Haji Bakar, Setiausaha Lembaga membentangkan Minit Mesyuarat Agung Kawasan Kuala Krai kali ke-12/2017 dari muka surat 1 hingga 11 untuk diterima dan disahkan.
- 3.3 En. Azman Shah b Mat (007140) mencadangkan Minit Mesyuarat Agung Kawasan Kuala Krai kali ke-12/2017 diterima dan disahkan, disokong oleh Pn. Nik Aida Musni bt Nik Mahmud (015422).

Keputusan : Mesyuarat bersetuju sebulat suara

AGENDA 4 : Menimbang Laporan Lembaga 2018

- 4.1 Pengerusi Mesyuarat meminta Setiausaha Lembaga membentangkan draf Laporan Lembaga bagi tahun 2018.
- 4.2 Haji Mohamada Razali b Haji Bakar, Setiausaha Lembaga membentangkan draf Laporan Lembaga bagi tahun 2018 bermula muka surat 12 hingga 48.

- 4.3 En. Zulkefli b Brahim @ Ibrahim (015036) mencadangkan draf Laporan Lembaga bagi tahun 2018 diterima dan disahkan, disokong oleh En. Zulkifli b Ibrahim (011762)

Keputusan : Mesyuarat bersetuju sebulat suara

AGENDA 5 : Memilih Anggota Perwakilan ke Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan ke 24/2019

AGENDA 5 iaitu **Memilih Perwakilan Ke Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan Ke 24/2019** telah dipinda ke **AGENDA 9** dan **AGENDA 6** menjadi **AGENDA 5** iaitu **Menimbang draf akaun atau jika ada akaun teraudit Koperasi berakhir 31 Disember 2018.**

AGENDA 5 : Menimbang draf akaun atau jika ada akaun teraudit Koperasi berakhir 31 Disember 2018.

- 5.1 Pengerusi Mesyuarat meminta Timbalan Bendahari untuk membentangkan draf akaun bagi tahun berakhir 31 Disember 2018.
- 5.2 En. Asmadi b Omar, Timbalan Bendahari membentangkan draf akaun koperasi berakhir 31 Disember 2018 dari muka surat 1 hingga 15 (sebagaimana buku kuning yang diedarkan).
- 5.3 En. Zulkifli b Brahim @ Ibrahim (015036), mencadangkan draf akaun koperasi berakhir 31 Disember 2018 diterima dan disahkan, disokong oleh En. Zulkifli b Ibrahim (011762).

Keputusan : Mesyuarat bersetuju sebulat suara

AGENDA 6 : Menimbang Belanjawan Tahunan Bagi Tahun 2020 Semakan 2019 Untuk Dibentang Dalam Mesyuarat Agung Perwakilan Kali Ke-24/2019

- 6.1 Pengerusi Mesyuarat meminta Timbalan Bendahari untuk membentangkan belanjawan tahunan bagi tahun 2020 semakan 2019 untuk dibentang dalam Mesyuarat Agung Perwakilan kali ke-24/2019.
- 6.2 En. Asmadi b Omar, Timbalan Bendahari membentangkan belanjawan tahunan bagi tahun 2020 semakan 2019 untuk dibentang dalam Mesyuarat Agung kali ke-24/2019 dari muka surat 16 hingga 23.
- 6.3 En. Zulkifli b Brahim @ Ibrahim (015036), mencadangkan belanjawan tahunan bagi tahun 2020 semakan 2019 untuk dibentang dalam Mesyuarat Agung kali ke-24/2019 diterima dan disahkan, disokong oleh En. Zulkifli b Ibrahim (011762).

AGENDA 7 : Menimbang cadangan pindaan kepada Undang-undang Kecil dan Aturan-aturan Aktiviti Koperasi jika ada.

- 7.1 Pengerusi Mesyuarat meminta Setiausaha Lembaga membentangkan cadangan pindaan kepada Undang-undang Kecil dan Aturan-aturan Aktiviti Koperasi jika ada.
- 7.2 Setiausaha Lembaga menjelaskan tiada cadangan pindaan kepada Undang-undang kecil dan Aturan-aturan aktiviti Koperasi untuk dibentangkan.

AGENDA 8 : Menimbang dan meluluskan usul daripada Lembaga dan Anggota Koperasi, jika ada, yang diterima tujuh (7) hari sebelum tarikh Mesyuarat Agung Kawasan.

- 8.1 Pengerusi Mesyuarat meminta Setiausaha Lembaga untuk membentangkannya.
- 8.2 Setiausaha Lembaga menjelaskan tiada usul yang diterima dalam tepoh tujuh (7) hari sebelum Mesyuarat Agung Kawasan.

AGENDA 9 : Memilih Anggota Perwakilan ke Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan ke 24/2019

- 9.1 Pengerusi Mesyuarat meminta JK Pemilihan untuk memberikan penerangan tentang cara pemilihan dan tatacara pemilihan.
- 9.2 En. Mohamed Zahari b Mohamed Zain, ahli Jawatankuasa Pemilihan mengumumkan calon-calon yang menghantar pencalonan kawasan Kuala Krai ialah seramai 20 orang sahaja. Oleh itu tiada proses pengundian akan dilakukan pada hari ini dan semua calon dikira menang tanpa bertanding. Namun, semua calon hendaklah tampil ke hadapan untuk memperkenalkan diri. Calon yang namanya dipanggil sebanyak tiga kali dan tidak hadir ke hadapan semasa namanya dipanggil, pencalonannya akan terbatal secara automatik.
- 9.3 Seterusnya beliau memperkenalkan calon-calon yang bertanding adalah seperti berikut :

NO. CALON	NO. ANGGOTA	NAMA	ALAMAT
01	019848	ZULKIFLI B MAMAT	SK PAHI
02	008249	MOHD ZAKI B HJ HASSAN	SK PAHI
03	010366	ZAIDDI B ISMAIL	SK PAHI
04	008220	SAIDI B SALLEH	SK KG BEDAL
05	009823	ROSDI B HASSAN	SK KG BEDAL
06	012750	AZMAN B ISMAIL	SK KG BEDAL
07	011230	HAWARI B HASAN	SK BATU JONG
08	013209	HASHIM B YAHYA	SMK KEROH
09	007140	AZMAN SHAH B MAT	PPD KUALA KRAI
10	015021	MOHAMAD TARMIZI B DOLLAH	SK TELKONG
11	011607	MOHAMED NASIR B HUSIN	NO 75B JLN EMBONG, KUALA KRAI

12	016556	CHE ABD HAMID B CHE SOF	SK SUNGAI SAM
13	010611	NOR ASMA BT MAT DAM	SK PAHI
14	016490	MOHD AZAM B AB AZIZ	SK BATU MENGKEBANG
15	015171	ZANARIAH BT DAUD	SK SULTAN YAHYA PETRA
16	016170	HJ MOHD YUSOFF B ADAM	SMK SULTAN YAHYA PETRA (1)
17	015690	MOHD SAYUNI B MD NOR	SK BATU MENGKEBANG
18	016871	ROS AZIRA BT JAAFAR	SK LALOH
19	010580	AHMAD TARMIZI B APANDI	SK SULTAN YAHYA PETRA 1
20	008870	AZMAN B MAT ALI	SK KUALA KRAI

9.4 Beliau juga memberitahu calon nombor 7 iaitu En. Hawari b Hasan (011230) dan calon nombor 8, Haji Hashim b Yahya (013209) tidak dapat hadir pada hari ini tetapi pencalonannya telah diterima kerana calon-calon berkenaan telah mengemukakan surat ketidakhadirannya kepada JK Pemilihan.

9.5 Anggota koperasi sebulat suara menerima calon no 7, no 8 dan calon seramai 20 orang menang tanpa bertanding.

Keputusan : Mesyuarat bersetuju sebulat suara

PENCATAT MINIT :


1. PN. NOR ADILA BT RAZALI
2. CIK SYURAI DAH BT MAT LARAK @ MAT ZAID

TANDATANGAN Pengerusi Mesyuarat:



.....
EN. SYIHABUDDIN B ISMAIL (011700)

TANDATANGAN Setiausaha Mesyuarat:



.....
EN. MOHD SUHAIZANI B HASSAN (015510)